

# Pertahanan utama negara terletak pada ketahanan nasionalnya - PM

KUALA LUMPUR 3

Dis. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa barisan pertama pertahanan sesebuah negara terletak pada ketahanan nasionalnya dan pembentukan dalam strategik yang mengurangkan segala ancaman.

Perdana Menteri berkata Malaysia percaya bahawa kemampuan daripada segi ketenteraan bukanlah barisan pertahanan sesebuah negara ini, seperti yang disuarakan oleh setengah-setengah negara.

Ketika merasmikan Forum Masyarakat Sejagat Malaysia 1984 di Hotel Ming Court di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyatakan:

- Faktor kebudayaan merupakan penghalang kepada pewujudan masyarakat Pasifik buat masaini;

- ASEAN telah menjadi kumpulan wilayah kedua yang paling berkesan di dunia selain Kesatuan Ekonomi Erupah (EEC);

- Rancangan ekonomi yang besar-besaran hendaklah dijadikan pertimbangan terakhir oleh negara-negara kawasan Pasifik sekiranya mereka mahu menubuhkan suatu persatuan; dan

- Negara-negara maju mestilah insaf bahawa langkah mereka melindungi kepentingan diri tanpa meng-

hiraukan kepentingan negara-negara membangun akan mengakibatkan kerugian pada suatu masa nanti.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, amatlah mengecewakan dewasa ini kerana masih ada pihak-pihak yang percaya bahawa untuk menikmati keamanan, mereka mestilah membuat persiapan untuk berperang.

"Pihak-pihak itu juga percaya bahawa hanya persimbangan kuasa ketenteraan dapat menjamin kestabilan. Pada zaman dahulu mungkin logik bagi sesebuah negara yang cinta akan keamanan melengkapkan senjatanya untuk mempertahankan diri supaya tidak ada orang yang berani menyerangnya.

"Tetapi dalam zaman sekarang senjata-senjata moden adalah mahal dan pendapat tersebut tidak masuk lagi. Tidak lama selepas senjata dicipta untuk mempertahankan diri anda, akan ditentang oleh senjata

lain yang menjadikan sistem pertahanan anda tidak berdaya.

"Begitu jugalah sebaliknya, akibatnya ialah perbelanjaan ke atas pertahanan dan serangan akan melambung dan ini akan mengheret pihak-pihak lain di dunia untuk mengikut jejak mereka. Kita sedang menyaksikan perkembangan ini sekarang," jelasnya.

Perdana Menteri menegaskan, konsep masyarakat sejagat yang memang sedap disebut itu mungkin akan menjadi pemusnahan sejagat sekiranya pandangan bahawa persediaan peperangan mestilah dilakukan untuk mengelakkan peperangan diikuti.

Katanya, Malaysia percaya bahawa barisan pertama dalam pertahanan sesebuah negara terletak pada ketahanan nasionalnya dan bergantung kepada dasar dasarnya untuk berbaik-baik dengan negara-ne-

gara berminat untuk berka- wan dengannya.

Dalam ucapannya itu, Datuk Sri Dr. Mahathir, juga membidas negara-negara yang mengamalkan dasar perlindungan perdagangan dan mementingkan diri semata-mata.

Katanya, ada negara-negara yang membentuk kelab yang eksklusif supaya negara-negara lain dapat di- jauhkan daripada pasaran mereka manakala pertumbuhan-pertumbuhan dunia telah diketepikan.

"Banyak usaha telah dijalankan di luar bingkai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Negara-negara maju bukan sahaja tidak mengambil berat tentang negara-negara membangun tetapi juga telah melaksanakan halangan-halangan tarif dan bukan tarif untuk menjejaskan kemajuan ekonomi-ekonomi negara-negara membangun," katanya.